

BN fokus selesai masalah warga kota

Kuala Lumpur: Penyelesaian masalah parkir di kawasan perumahan awam dan program perumahan rakyat (PPR), pemilikan rumah mampu milik serta pangsapuri usang di ibu negara antara isu yang diberi keutamaan Barisan Nasional (BN) Wilayah Persekutuan.

Inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu adalah antara usaha BN dalam mewujudkan masyarakat ceria dan sejahtera, sekali gus mengurangkan beban rakyat.

Setiausaha BN Wilayah Persekutuan, Datuk Rizalman Mokhtar, berkata pihaknya menyedari warga kota khususnya di kawasan PPR memulakan kehidupan harian dengan kemarahan apabila perlu berdepan isu parkir berlapis atau disaman kerana

**Fakta
nombor**

90 PERATUS

daripada sasaran
**80,000 unit
RUMAWIP
siap dibina**

meletak kenderaan di tepi jalan utama.

Transformasi menyeluruh

Beliau berkata, di bawah kepimpinan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan, berlaku transformasi yang sangat menyeluruh pada peringkat kementerian dan DBKL dari segi pendekatan untuk menyelesaikan masalah rakyat.

Untuk itu, katanya, sebanyak 17 kawasan parkir bertingkat yang boleh memenuhi keperluan hingga 80 peratus kawasan parkir khususnya di kawasan perumahan awam dan PPR sedang dibina dan dijangka boleh diguna pakai tahun ini.

“Selain berdepan masalah parkir

berlapis, penduduk juga memulakan kehidupan harian dengan mendapat saman parkir kerana terpaksa meletak kenderaan di tepi jalan.

“Kita berharap melalui penyelesaian masalah parkir, ia akan meredakan kemarahan sekali gus melahirkan suasana ceria dalam kalangan masyarakat,” katanya.

Rizalman berkata, BN juga menepati kejayaan dalam Projek Rumah Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) dengan 90 peratus daripada sasaran 80,000 unit rumah siap dibina, sekali gus menyaksikan parti memenuhi janji dalam manifesto PRU-13.

Katanya, pada masa sama, KWP dan DBKL turut menyelesaikan isu pangsapuri usang dengan mengeluarkan peruntukan bagi menceria-kan dan mengindahkan bangunan berkenaan.

Bagi Putrajaya dan Labuan, pelbagai program dilaksanakan demi kepentingan masyarakat setempat. Antaranya, pembinaan jambatan Labuan-Menumbok, infrastruktur itu memberi harapan baharu kepada warga Labuan.

Menurutnya, sejurus tsunami politik pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), Tengku Adnan mengarahkan gerak kerja pilihan raya bermula dari tempoh itu termasuk mengaktifkan program Wilayah Prihatin secara mingguan dan bulanan.

Bagaimanapun, beliau berkata, sejak tahun lalu, parti menggandakan gerak kerja dengan pelbagai program di bawah jenama BN Wilayah Persekutuan termasuk program merisik khabar, bantuan petrol motor pertama, jom pergi pasar, permata hati.